

07 FEB 1999

Mahathir-pengganti

DR MAHATHIR AKAN TERUS MEMIMPIN SEHINGGA PENGGANTI SEBENAR DITEMUI

LONDON, 7 Feb (Bernama)-- Walaupun beliau sudah memikirkannya untuk meletakkan jawatan tahun lepas, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walau apapun diperkatakan oleh orang ramai, beliau akan terus memimpin sehingga pengganti yang sebenarnya ditemui.

"Saya ada tanggungjawab sekarang untuk memastikan bahawa Malaysia mempunyai kepimpinan yang sebenarnya. Saya tidak akan membenarkan sebarang kenyataan berupa cemuhan untuk melencongkan saya daripada tugas saya," kata Perdana Menteri pada perjumpaan dengan pelajar di Malaysia Hall semalam.

Beribu-ribu pelajar datang untuk mendengar penjelasan beliau mengenai situasi politik dan ekonomi. Monitor televisyen litar tertutup terpaksa dipasang di bilik-bilik lain kerana dewan utama penuh sesak dengan pelajar. Seseengahnya tidak dapat masuk.

Perdana Menteri sedang dalam perjalanan ke persidangan Negara-negara Membangun G15 di Jamaica.

Dr Mahathir berkata: " Saya telah menjadi Perdana Menteri lebih lama daripada banyak orang. Saya sudah bersedia untuk meletakkan jawatan tahun lepas. Saya sudah penat dengan semua ini."

"Tetapi saya mempunyai tanggungjawab untuk memastikan negara ini tidak dipimpin oleh seseorang yang bercakap bohong dan berpura-pura alim sedangkan dia tidak."

Katanya, beliau membawa Datuk Seri Anwar Ibrahim ke dalam UMNO berdasarkan kelayakan keagamaannya tetapi tidak lama kemudian beliau bertukar menjadi seseorang yang tidak sabar dan mahu menjadi popular walaupun mengancam negara.

"Semasa saya mula-mula melantik beliau sebagai timbalan menteri, beliau sudah mendesak kenapa tidak sebagai menteri penuh. Saya beritahunya bahawa beliau baru sahaja menyertai UMNO dan beliau patut bekerja keras untuk mencapainya.

"Saya sekali lagi memberi sokongan kepada beliau semasa beliau mahu menjadi Ketua Pemuda UMNO dan kemudiannya Naib Presiden parti. Saya juga menyokong beliau semasa beliau memutuskan untuk mencabar Tun Ghafar Baba bagi jawatan timbalan presiden parti.

"Dari segi pengurusan ekonomi, beliau bersedia berbuat apa sahaja yang IMF mahukan. Sekiranya kita mengikuti kehendak IMF, kita tentu mengalami bencana seperti Thailand dan Korea."

"Jadi walaupun saya disumpah seranah atau sekalipun saya disuruh pergi, saya akan terus memimpin kerana saya ada tanggungjawab kepada negara ini.

"Orang akan gelar saya tidak relevan. Saya sudah mempunyai apa yang saya inginkan. Sekiranya saya diberikan pilihan, saya lebih suka meletakkan jawatan dan menghabiskan masa saya buat ibadat dan menulis.

"Tetapi buat masa ini, saya tidak akan meletakkan jawatan. Saya akan terus memimpin kecuali orang tembak saya atau cuba membunuh saya seperti sesetengah orang ingin lakukan. Itu tidak penting.

"Tanggungjawab saya ialah untuk memastikan Malaysia mempunyai corak kepimpinan yang betul."

Kemudian pada persidangan berita bagi media Malaysia dan Britain, Dr Mahathir berkata: "Setakat sekarang Datuk Abdullah Badawi jelas adalah pengganti saya. Tak tahulah, apa-apa sahaja boleh berlaku dari sekarang sehingga pemilihan parti.

"Buat masa ini dan seterusnya, parti memutuskan bahawa saya patut mempunyai seorang timbalan presiden untuk mengendalikan beberapa perkara

tertentu semasa ketiadaan saya atau pun semasa saya berada dalam negara."

Semasa ditanya, kenapa beliau mengambil masa yang lama untuk melantik timbalan perdana menteri, Dr Mahathir berkata: "Sebenarnya saya mahu parti membuat pilihan itu, tetapi pemilihan parti masih lama lagi dan parti merasakan bahawa pemilihan parti patut diadakan selepas pilihan raya umum dan sehubungan itu kita perlu mengisi kekosongan itu kerana jika tidak kekosongan itu terlalu lama."

--BERNAMA